

Gelombang kedua dijangka lebih buruk

➔ Taburan hujan makin meningkat termasuk di Johor, Pahang

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Gelombang kedua banjir tahun ini berkemungkinan besar membawa kesan lebih buruk berbanding 2016 jika mengambil kira taburan dan sukatan hujan yang semakin meningkat di beberapa negeri termasuk Johor dan Pahang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, beberapa gelombang diramal melanda sepanjang Januari hingga Mac ini.

Ketika ini, katanya, gelombang kedua angin Timur Laut dari China, melintasi Laut China Selatan hing-

ga ke pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang akan berterusan tempoh dua bulan.

Pantai Barat turut terancam

“Tahun lalu untuk gelombang kedua, kesannya agak minimum, kali ini lebih buruk. Ini berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi berhubung jumlah sukatan hujan dan paras air sungai. Kita jangka lebih ramai mangsa banjir terpaksa dipindahkan.”

“Saya juga khuatir banjir turut melanda negeri di Pantai Barat. Faktor ini dipengaruhi tiupan angin Timur Laut membawa hujan melepasi Banjaran Titiwangsa, selain aliran tiupan angin di Barat Laut,” katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini semalam.


Terdahulu, beliau yang juga

Menteri Dalam Negeri menerima kunjungan hormat Menteri Imigresen New Zealand, Michael Woodhouse yang memulakan lawatan kerja dua hari ke Malaysia, bermula semalam.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara, berkata pemantauan berterusan akan dilakukan, antaranya mempertingkatkan tahap kesiap siagaan agensi berkaitan, termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), manakala pemindahan mangsa juga dibuat lebih awal.

Berdasarkan keadaan semasa, katanya, jumlah anggota agensi bantuan juga akan ditambah terutama di negeri banjir semakin buruk.

“Kekhuatiran kita adalah apabila



Ahmad Zahid menerima kunjungan hormat Woodhouse di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.



Saya juga khuatir banjir turut melanda negeri di pantai barat. Faktor ini dipengaruhi tiupan angin Timur Laut membawa hujan melepasi Banjaran Titiwangsa, selain aliran tiupan angin di Barat Laut”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

sukatan hujan bertambah di Jerantut, akan menyebabkan banjir sepanjang tebing Sungai Pahang, khususnya di muara terutama di Pekan,” katanya.

Keperluan diutamakan

Timbalan Perdana Menteri turut memberi jaminan, keperluan mangsa banjir menjadi keutamaan, termasuk khemah dan pusat penempatan sementara yang mengikut piawaian selain penekanan kepada bekalan makanan.

“Kerjasama agensi termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta swasta diselaraskan untuk memberi bantuan bekalan makanan yang lebih pelbagai selain mengadakan inisiatif dapur bergerak,” katanya.